KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11.03.22	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	JMG			

Tanah runtuh: 15 rumah terjejas



Keadaan di sekitar tanah runtuh di Jalan Teratai, Taman Bukit Permai di Ampang, Kuala Lumpur pada Khamis.

KUALA LUMPUR -Kira-kira 15 buah rumah mengalami kerosakan selepas berlaku kejadian tanah runtuh di Jalan Teratai, Taman Bukit Permai di Ampang pada lewat petang Khamis.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis berkata, pihaknya menerima panggilan kira-kira jam 5.54 petang sebelum sepasukan anggota dikejarkan ke lokasi kejadian.

Beliau berkata, berdasarkan laporan awal, sebanyak 15 buah rumah terkesan termasuk dua daripadanya tertimbus serta 10 buah kenderaan di lokasi kejadian turut dilaporkan terjejas.

"Saya juga dimaklumkan ada beberapa orang dilaporkan cedera dan maklumat awal ada empat mangsa, salah seorangnya telah berjaya ditemui dengan selamat," katanya dihubungi *Sinar Harian* pada Khamis.

Beliau berkata, usaha menyelamat mangsa masih diteruskan dan maklumat mengenai kejadian akan dimaklumkan selepas usaha menyelamat mangsa selesai dijalankan.